

Headline	TRANSFORMASI FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,033
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,099



TRANSFORMASI FRIM

MUKADIMAH

PERANAN Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam usaha mengekalkan hutan tropika negara ini sememangnya diakui. Paling membanggakan kepakaran FRIM itu turut mendapat pengiktirafan oleh badan antarabangsa hingga berjaya merangkul pelbagai anugerah. Dalam wawancara dengan wartawan *Utusan Malaysia*, **SAIFULIZAM MOHAMAD** di kampus FRIM, Kepong baru-baru ini, Ketua Pengarahnya, **DATUK DR. ABD. LATIF MOHMOD** telah memberikan gambaran lebih jelas tentang fungsi pusat penyelidikan itu, pada masa sama turut berkongsi misinya untuk institut itu pada masa depan.



UTUSAN: Jelaskan secara ringkas peranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam bidang penyelidikan perhutanan di negara ini sejak mula ditubuhkan.

ABD. LATIF: Pada peringkat awal, FRIM berperanan sebagai satu badan yang menentukan kualiti dan kekuatan kayu yang sesuai untuk digunakan sebagai *railway sleepers* selain kayu merbau dan cengal (jenis kayu paling banyak digunakan untuk tujuan itu ketika 1900-an) melalui proses ujian kekuatan kayu, pengawetan kayu dan sifat-sifat kayu.

Kemudian peranan FRIM berkembang kepada usaha mengkaji sifat-sifat mekanikal kayu serta penghasilan produk komposit. Kami juga menerbitkan rujukan yang autoriti seperti *Malayan Forests Records*; *Dipterocarp Timbers of the Malay Peninsula*; *Manual of Malayan Timber* dan diikuti dengan kajian terhadap penggunaan kayu pelbagai termasuk batang kelapa sawit.

FRIM juga memperkenalkan teknik ujian perabot, pintu

rintangan pi serta rawatan kayu dari segi pengawetan dan pengeringan. Inilah permulaan aktiviti penyelidikan ke atas penggunaan kayu getah sebagai bahan mentah dalam industri perabot yang akhirnya berjaya mewujudkan industri perabot negara berasaskan kayu tersebut.

Kami juga terlibat dengan usaha menjalankan dokumentasi biodiversiti melalui penyelidikan botani, inventori dan semakan terhadap kepelbagaian flora dan fauna. Setakat ini FRIM berjaya menemukan lebih 25 spesies flora baharu. FRIM juga mengurus dan memantau spesies terancam yang diletakkan dalam senarai merah atau *Malaysia Plant Red List*.

Sehingga hari ini sebanyak 92 spesies dipterocarpa telah dikenal pasti dalam senarai spesies terancam antaranya cengal daun pasir, keruing padi, resak padi, meranti kepong hantu dan merawan kanching. Ancaman ini disebabkan berlakunya eksploitasi yang melampau memandangkan semua kayu ini bernilai tinggi.

Apapun saya bersyukur kerana 73 daripada spesies terancam ini terdapat di FRIM. FRIM juga memiliki koleksi warisan biodiversiti negara terbesar di Malaysia yang terdiri daripada herbarium, entomologi, kulat dan vertebrata.

Apakah peranan lain FRIM kerana difahamkan institusi ini telah dipertanggungjawabkan dalam segala isu dan masalah berkaitan penyelidikan perhutanan negara termasuk berkaitan undang-undang?

FRIM telah diberi tanggungjawab mengkaji kaedah pengurusan hutan secara berkekalan. Langkah tersebut melibatkan manual, kertas dasar, peraturan, piawaian dan akta yang berkaitan dengan pengurusan hutan. FRIM juga menjalankan kajian tentang hidrologi air, penanaman semula pokok-pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di kawasan dikenal pasti antaranya di kawasan pantai yang terhakis. FRIM turut terlibat dalam bidang tumbuhan ubatan dan beraroma. Antara lain FRIM membantu usahawan herba bagi menghasilkan produk yang selamat dan berkesan melalui amalan pengilangan baik (GMP) serta

Headline	TRANSFORMASI FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,033
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,099

membangunkan kaedah penanaman tumbuhan herba bagi mengeluarkan hasil tinggi bagi tujuan komersial mengikut skim organik Malaysia (SOM). FRIM juga memberi latihan teknikal dan perkhidmatan pemprosesan kepada para usahawan serta pengilang produk herba selain melahirkan usahawan teknopreneur melalui program FMBioSis. Antara produk FMBio-

Sis yang ada di pasaran hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) kita adalah produk berjenama Ciera, biskut Le Natura serta produk spa dan kecantikan Forestra.

Keupayaan FRIM dalam bidang perhutanan tidak boleh dinafikan dan sudah tentu menarik perhatian pihak luar. Adakah pihak FRIM pernah mendapat pengiktirafan atau anugerah khususnya daripada badan antarabangsa?

FRIM pernah menerima pelbagai anugerah bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah usaha R&D FRIM dalam bidang perhutanan tropika turut mendapat pengiktirafan daripada pihak antarabangsa. Di peringkat kebangsaan kita telah menerima 118 anugerah manakala 52 anugerah peringkat antarabangsa. Ini bagi tempoh 2010 sehingga 2015. Antara anugerah berprestij yang pernah FRIM terima adalah Anugerah Sains Mahathir (2009); *Nikkei Asia Prize*

(2009); *IDB Prize for Science and Technology* (2012); Paten US yang pertama untuk sistem pengeringan suhu tinggi (HTD) pada Mac 2013 dan pengiktirafan daripada Institut Kimia Malaysia terhadap makmal ujian FRIM (makmal analisis awetan kayu, makmal pengujian komposit kayu dan makmal kimia tanah).

FRIM juga telah diisytihar sebagai Tapak Warisan Semula Jadi (2009) dan Warisan Kebangsaan (2012) oleh Jabatan Warisan Negara.

Selain R&D, FRIM juga menerima pengiktirafan kepakaran pegawai antaranya sebagai felo Akademi Sains Malaysia, Pengerusi Majlis Sains Tanah Negara, Profesor Adjung di universiti awam dan sebagai arboris bertauliah yang boleh membantu mengurus dan menyelenggara hutan bandar. Buku terbitan FRIM pernah menerima Anugerah Buku Negara pada tahun 2010, 2012 dan 2013.

Bagaimana status FRIM sebagai destinasi ekopelancongan khususnya untuk penduduk di Lembah Klang?

Untuk pengetahuan semua setiap tahun, kampus FRIM di Kepong menerima lebih 500,000 pengunjung sebagai destinasi eko-pelancongan menarik. Dalam sektor pelancongan, FRIM pernah menerima *TripAdvisor Certificate*

of Excellence bagi tahun 2014 dan 2015 atas maklum balas cemerlang dengan konsisten daripada pelancong-pelancong. Kami juga pernah menerima anugerah penghargaan daripada kerajaan Selangor dan Tourism Malaysia Selangor atas sumbangan FRIM kepada industri pelancongan negeri.

Baru-baru ini Datuk ada memaklumkan Rang Undang-Undang FRIM yang akan dibentangkan di Parlimen kelak (jangkaan tahun ini) akan memberi satu dimensi baharu kepada FRIM. Adakah selepas diwartakan nanti, FRIM akan menjadi satu entiti yang bersifat komersial?

Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana setelah hampir 10 tahun menunggu, rang undang-undang ini bakal dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Tujuan utama rang undang-undang tersebut adalah untuk memastikan kewujudan berterusan FRIM sebagai institut penyelidikan perhutanan tropika di negara kita selain mengurangkan kebergantungan kewangan FRIM kepada kerajaan.

Melalui peruntukan di bawah rang undang-undang ini, FRIM boleh komersialkan sendiri produk-produk hasil daripada R&D FRIM serta menjadi badan pensijilan perkhidmatan ujian (ujian perabot, bahan mentah herba dan sebagainya).